

25 JUL 1997

DELEGASI MALAYSIA DI PBB PERLU KERJA KERAS, KATA PM

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan delegasi Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya bekerja kuat di badan dunia itu.

Amanat itu disampaikan Perdana Menteri kepada Presiden Sesi ke-51 Perhimpunan Agung PBB (UNGA) Tan Sri Razali Ismail yang mengunjungi Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Ketika ditemui pemberita selepas pertemuan kira-kira sejam itu, Razali berkata: "Tak ada apa-apa yang dipesan kepada saya... mungkin kepada delegasi Malaysia mesti bekerja kuat dalam semua bidang di United Nations (PBB),"

Razali kini dalam lawatan rasmi lima hari di Malaysia bermula Isnin lepas.

-- BERNAMA

RAZ NMO